

# ROYCE FOLIC ACID TABLET

Folic acid (5mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Royce Folic Acid Tablet 5mg
2. Bagaimana Royce Folic Acid Tablet 5mg berfungsi
3. Sebelum mengambil Royce Folic Acid Tablet 5mg
4. Cara menggunakan Royce Folic Acid Tablet 5mg
5. Semasa menggunakan Royce Folic Acid Tablet 5mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Royce Folic Acid Tablet 5mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Royce Folic Acid Tablet 5mg

Royce Folic Acid tablet 5mg digunakan untuk rawatan dan pencegahan kekurangan folic acid akibat megaloblastic anaemia (penurunan sel darah merah).

## Bagaimana Royce Folic Acid Tablet 5mg berfungsi

Folic acid adalah ahli kumpulan vitamin B. Ia berfungsi dengan penyerapan dari bahagian berhampiran usus kecil, mengedarkan susu ibu, metabolisme dalam plasma dan hati serta penghapusan dalam bentuk air kencing.

## Sebelum mengambil Royce Folic Acid Tablet 5mg

### -Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda mempunyai tumor yang bergantung terhadap folat.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil mana-mana ubat.

### -Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang atau pernah menghidap penyakit/ keadaan berikut:

- Anemia yang berisiko (jumlah sel darah merah yang rendah disebabkan oleh vitamin B yang tidak mencukupi).

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan, ini termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Doktor anda mungkin perlu menukar dos ubat-ubat anda yang lain atau mengambil langkah berjaga-jaga yang lain. Dalam setengah kes, anda mungkin perlu menghentikan pengambilan salah satu ubat. Ini terutamanya kepada ubat-ubat yang disenaraikan di bawah yang diambil bersama-sama dengan Royce Folic Acid Tablet 5mg:

Antioksidan, kontraseptif, antituberculos, alcohol dan antagonis folic acid: aminopterin, methotrexale, pyrimethamine, trimethoprim and sulphonamide telah menghasilkan jumlah folic acid yang rendah.

## Cara menggunakan Royce Folic Acid Tablet 5mg

### -Berapa banyak harus digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihati anda berapa dos yang perlu diambil setiap hari dan berapa lama anda perlu mengambilnya. Ini bergantung kepada keadaan anda dan sama ada anda mengambil sebarang ubat lain.

Dos yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Untuk kegunaan lisan sahaja.

Dewasa: Anemia megaloblastik: 5mg sehari selama 4 bulan, sehingga 15mg setiap hari mungkin diperlukan dalam keadaan malabsorpsi.

Pemusnahan sel darah: 5mg setiap hari atau mingguan mungkin diperlukan dalam keadaan hemolytic kronik seperti thalassemia utama atau anemia sel sabit, bergantung pada diet dan kadar hemolysis; dos yang serupa mungkin diperlukan oleh sesetengah individu yang menerima dialysis buah pinggang untuk mengelakkan kekurangan.

### -Bila perlu digunakan

Doktor anda akan memberitahu sama ada ianya bersesuaian untuk anda menggunakan Royce Folic Acid Tablet

5mg mengikut jenis keadaan yang anda hidapi.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Royce Folic Acid Tablet 5mg selagi disyorkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai apa yang perlu dilakukan sekiranya anda terlupa mengambil dos anda. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat.

Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat pada masa yang dijadualkan seterusnya. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan bantuan perubatan kecemasan di hospital terdekat jika anda fikir anda atau orang lain telah menggunakan terlalu banyak ubat ni walaupun tiada simptom keracunan kerana anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Royce Folic Acid Tablet 5mg

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti yang diberitahu oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Royce Folic Acid Tablet 5mg.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor.
- Jangan ambil ubat-ubatan baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan beri Royce Folic Acid Tablet 5mg kepada orang lain walaupun mereka mempunyai tanda-tanda atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Folic acid tidak boleh diberikan semata-mata/bersamaan dengan jumlah vitamin B12 yang tidak mencukupi untuk rawatan anemia megaloblastik yang tidak didiagnosis.
- Behati-hati dinasihatkan pada individu yang mungkin mempunyai tumor yang bergantung terhadap folat.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat, Royce Folic Acid Tablet 5mg juga mungkin mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diinginkan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan dibawah semasa mengambil ubat ini:

- Anorexia (kehilangan selera makan).
- Mual (dorongan untuk muntah).
- Ketegangan abdomen (abdomen bengkak).
- Perut kembung (lebih gas dalam saluran usus).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Royce Folic Acid Tablet 5mg**

-Penyimpanan

Simpan di tempat yang kering di bawah suhu 30°C. Lindungi dari cahaya.

Jauhi ubat-ubatan dari kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

-Rupa dan warna produk

Berwarna kuning, berbentuk bulat, rata, berbentuk serong di hujung dengan satu garis lurus belahan di satu permukaan.

-Bahan-bahan kandungan

*Bahan aktif*

Folic acid.

*Bahan-bahan tidak aktif*

Lactose, corn starch, povidone, magnesium stearate, talc purified and purified water.

-Nombor MAL

MAL19910328XZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Royce Pharma Manufacturing Sdn. Bhd.  
PT 1663, Nilai Industrial Estate, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

22/05/2018

**No Siri**

NPRA(R4/1)210518/00164